



JULY
2025

SIAPA KAMI?

Cahaya Society ialah organisasi yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sebagai Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah.

Ditubuhkan pada Januari 2019 dan berfokus pada kepada advokasi pendidikan alternatif untuk anak-anak tanpa negara, kebajikan sosial dan pemberdayaan komuniti di Sandakan, Sabah.

Selain itu, Cahaya Society juga aktif dalam menerbitkan karya dan tulisan tempatan di laman rasmi menerusi ruangan Arkib Cahaya bagi mengangkat apresiasi terhadap tulisan sama ada berbentuk ulasan buku, reviu filem, puisi, mahupun cerpen.

Demi Pendidikan,

Merdeka!



BIKIN APA?



Menjelajah Sambil Belajar: EERace29 di Komuniti Cahaya

Peserta Kumpulan S, EERace29 yang datang dari pelbagai daerah berjaya menyelesaikan tugas mereka di Pusat Komuniti Cahaya. Cahaya Society berpeluang berkongsi maklumat advokasi serta kemahiran jahitan komuniti bersama para peserta yang penuh semangat dan ingin tahu. Magsukul!



EERace29: Belajar sambil Berhubung dengan Alam & Komuniti

Cahaya Society menghantar seorang wakil, Cik Judith, untuk turut serta sebagai peserta EERace29. Sepanjang program, beliau berpeluang berkenalan dan bertukar ilmu bersama peserta lain dari pelbagai agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, dan institusi pendidikan. Satu pengalaman bermakna yang menyatukan semangat untuk alam dan komuniti.



Anti Corruption Workshop : Leading Business Intergrity In Sabah.

Cahaya Society berpeluang mengikuti bengkel “Leading Business Integrity in Sabah” anjuran SPRM Sabah ini yang turut melibatkan kerjasama TI-M dan UNODC. bersama 35 orang peserta lain. Terima Kasih atas peluang dan ilmu yang diberi.



Forum Merahawa: Keluarga Selamat

Siri pertama bersama Dr. Zaiton— pakar kesihatan— dari Sabah Aid Awareness Group. Berkongsi tentang kekeluargaan, keselamatan dan bentuk-bentuk perlindungan yang relevan untuk komuniti rentan. Terima kasih kerna sudi berkongsi bersama ibubapa komuniti.



Bakti Anak-anak, Harapan Komuniti

Anak-anak meneruskan kegiatan berbakti dengan membaiki dan menyelenggara ruang belajar mereka.

Ruang sederhana ini telah menjadi saksi perjuangan membasmi buta huruf sejak 2019. Enam tahun sokongan daripada rakyat Malaysia amat kami hargai. Semoga setiap kebaikan terus kembali kepada kalian semua.



Cahaya Society@ Sandakan Nature City Loud Fest

Anak-anak Cahaya diberi peluang beraksi di pentas Loud City Fest Sandakan. Mereka tampil dengan persembahan penuh semangat, mewakili suara komuniti yang jarang diberi ruang. Pentas ini menjadi medan untuk mereka bersinar, berkongsi bakat dan keyakinan



Pasang Telinga : ALC Kg. Sundang Laut

Cahaya Society berkunjung ke Madrasah Annur, diusahakan oleh Ustaz Nurham dan rakan-rakan. Ruang sederhana ini menjadi tempat belajar dan bermain bagi lebih 70 anak-anak. Anak-anak ini kecil tubuhnya, tapi besar cita-citanya. Ruang selamat sebegini wajar terus disokong dan diraikan.



Sudut Kecil, Kesan Besar-Anjung Bakti

Beberapa bulan lalu, sudut bermain dan alat permainan disediakan untuk anak-anak di Anjung Bakti. Kini mereka bermain bersama setiap hari sebelum kelas. Inisiatif ini lahir daripada kepercayaan bahawa kanak-kanak berkembang melalui pendidikan, edu-play, dan ruang mesra kanak-kanak — dengan harapan mereka membesar sebagai insan berilmu dan berbakti.



Ukulele Performance: P@lestin Merdeka

Cahaya Society akan bergabung dalam acara Sidang Korum anjuran Korum dan akan melantun sajak solidariti dan persembahan ukulele sebagai mesej setiakawan kepada pembantaian dan malapetaka sosial yang menceroob udara kemanusiaan di P@lestin



Art Workshop: Cubism Painting (Projek Iskul)

Anak-anak Projek ISKUL mengikuti kelas seni cubism bersama Kelab Alumni Cahaya. Dalam kelas ini, mereka diperkenalkan kepada bentuk, warna dan perspektif baharu dalam seni. Sesi ini bukan sekadar melukis, tetapi memberi ruang untuk ekspresi dan keberanian mencuba. Terima kasih kepada pasukan KAC atas ilmu dan pengalaman yang menginspirasi.

BIKIN APA?



Kelas Merahawa - Nina dan Rahsianya (Ruang selamat antara kami)

Hari ini, anak-anak mengikuti sesi membaca dan berbincang tentang Nina & Rahsianya. Kelas ini memperkenalkan konsep ruang selamat untuk kanak-kanak perempuan. Merahawa ialah inisiatif pendidikan oleh pasukan advokator wanita Cahaya Society.



Pisau, Papan & Cerita : Kelas Cungkil Kayu

Anak-anak kembali memegang pisau dan papan — merebut ruang untuk berkarya. Sesi ini membuka semula jalan kreativiti yang pernah membara. Terima kasih buat guru-guru Pangrok Sulap atas inspirasi dan ilmu yang dikongsi.



Belajar Dalam Gerak, Tumbuh Dalam Ceria

Anak-anak Cahaya memanfaatkan hujung minggu dengan aktiviti renang — bermain sambil belajar, mengasah keyakinan dalam air. Seperti air, mereka diajar untuk terus mengalir dan tidak berhenti berkembang



CERITA DARI BAWAH

Lawatan ke Madrasah Annur-- Pusat Pembelajaran Alternatif-- yang dibangunkan oleh belia hebat, Ust Nurham. Lebih 70 kanak-kanak rentan mendapatkan pendidikan asas agama antaranya Jawi, Al Quran dan beberapa subjek akademik seperti Bahasa Melayu dan Matematik.

Cahaya Society menerusi program outreach Pasang Telinga, belajar dan mendengar inisiatif dan pembangunan pendidikan komuniti ini untuk melihat ruang kerjasama dan solidariti bagi memastikan pendidikan dan ruang selamat untuk kanak-kanak rentan dapat diperkasakan selaras dengan komitmen kerajaan kepada hak kanak-kanak untuk dilindungi dan mendapat pendidikan yang terkandung dalam perjanjian antarabangsa Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC).

Madrasah Annur mencari sokongan umum menerusi tajaan pelajar, pembangunan ruang belajar dan tandas kegunaan anak-anak yang belajar. Termasuklah menerusi aktiviti yang membantu pembangunan psikososial, kreatif dan inovatif sesuai dengan purata umur pelajar di sana iaitu 10 hingga 14 tahun. Kami menjemput semua rakan-rakan untuk bergabung membangunkan pendidikan di sini!



BULAN DEPAN, BIKIN APA?

W A R T A C A H A Y A

Green ICT Bootcamp 2025

Cahaya Society dengan sokongan Move Now dan Allianz Malaysia akan menganjurkan Green ICT Bootcamp 2025 melibatkan 50 belia rentan dengan mengutamakan elemen pendidikan alam, literasi kewangan, teknologi dan perusahaan.

Forum Merahawa: Keluarga Selamat

Siri Forum Merahawa akan diteruskan melibatkan komuniti rentan di lokaliti berbeza dengan sokongan dan konsultasi pakar iaitu Dr. Zaiton-pengasas Sabah Aid Awarenessn Group.

Sabah SE- Catch Up

Siri perkongsian berkaitan perusahaan sosial bersama SCENIC Sabah. Pendedahan tentang perusahaan spsial, laluan dan medium pembangunan melibatkan komuniti.

Liga Futsal Alternatif 2025

Acara tahunan melibatkan Pusat Pembelajaran Cahaya dengan elemen sukan futsal. Pendedahan kepada aktiviti riadah dan kesihatan kepada belia rentan.

GARAJ CAHAYA



GRAB YOURS NOW:



W A R T A C A H A Y A



IMBAS UNTUK
DAFTAR
AHLI

TERIMA KASIH!
MAGSUKUL!

Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah

8603686012 (CIMB Bank)



CAHAYA ENTERPRISE-QR

"Pendidikan Untuk Semua"

🌐 cahayasociety.org
✉ cahayasociety@gmail.com
☎ 089 666 915